

PM: Pihak tertentu cuba rosakkan ekonomi negara



25 AUG 1992

KUCHING 24 Ogos — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa pihak-pihak tertentu di dalam dan di luar negara yang cemburu dengan kemajuan Malaysia sedang berusaha untuk merosakkan ekonomi dan menggugat kestabilan politik negara.

Beliau menegaskan pihak-pihak ini sedang cuba mempengaruhi negara-negara yang berkawan baik dengan Malaysia supaya menjauhi negara ini dan jangan membeli barangan keluarannya.

Menurut Dr. Mahathir, berbagai-bagai usaha dibuat oleh pihak-pihak seperti badan bukan kerajaan (NGO), gabungan kesatuan sekerja antarabangsa dan pertubuhan tempatan dan asing untuk merosakkan nama baik Malaysia dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) di Hotel Riverside Majestic di sini hari ini, Perdana Menteri berkata: "Tujuan mereka ialah untuk meletak kita di bawah telunjuk jari mereka."

Tegasnya, sudah ada tanda-tanda yang menunjukkan banyak pihak yang mula cemburu terhadap kejayaan dan kemajuan yang dicapai oleh negara dalam bidang ekonomi, terutamanya dalam perindustrian.

Menurut beliau, perjuangan Malaysia dalam hal-hal perdagangan, alam sekitar, hak asasi manusia, demokrasi dan kepentingan negara-negara Selatan di forum-forum antarabangsa juga dicemburui oleh pihak-pihak tersebut.

Kebebasan

Dr. Mahathir menambah, isu-isu hak asasi manusia, kebebasan mengambil tindakan perusahaan, soal alam sekitar, pembalakan, demokrasi dan kaum Penan telah dijadikan asas oleh pihak-pihak tersebut untuk menentang Malaysia.

Oleh itu, katanya, rakyat hendaklah sentiasa berwaspada terhadap pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab itu yang cuba hendak menggugat kestabilan politik dan keamanan negara.

Beliau menarik perhatian

bagaimana usaha Malaysia untuk menubuhkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) demi kepentingan ekonomi dan perdagangan penduduk di rantau ini, juga mendapat tentangan pihak tertentu.

"Ini semua adalah bukti cubaan-cubaan yang sedang dibuat untuk tidak mahu melihat Malaysia berjaya menjadi sebuah negara maju dengan rakyat menikmati taraf hidup yang setanding dengan mereka," katanya. Sementara itu, Perdana Menteri menyeru supaya amalan perkongsian kuasa yang menjadi pegangan Barisan Nasional diteruskan bagi mengekalkan kestabilan politik.

Beliau berkata pendekatan ini telah dapat mengelakkan daripada tercetusnya persengketaan di antara kaum dalam menghadapi isu-isu yang menyentuh soal untung nasib dan masa depan kaum masing-masing.

"Ini ialah kerana semua masalah dapat diselesaikan secara rasional melalui rundingan dalam parti," ujarnya.

Dr. Mahathir mengingatkan, pertentangan secara terbuka atau melulu bagi mengatasi

sesuatu masalah bukanlah cara atau budaya Barisan Nasional.

"Public debate tidak akan dapat menyelesaikan sebarang masalah atau mencapai apa-apa hasil kerana cara ini sering menyebabkan perasaan yang tidak dapat dikawal.

"Amalan tradisi perkongsian kuasa ini hendaklah dkekalkan agar politik negara terus stabil dan rakyat dapat hidup aman dan selamat," katanya.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri memuji Barisan Nasional Sarawak yang bukan sahaja mengamalkan dasar perkongsian kuasa tetapi juga dasar politik pembangunan yang telah terbukti berkesan dan berjaya membawa kemajuan dan kemakmuran kepada penduduk negeri ini.

Beliau mahu amalan ini diteruskan supaya Sarawak akan maju setanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Dalam pada itu, Perdana Menteri juga mahu dirapatkan lagi hubungan antara penduduk Sarawak dengan penduduk Semenanjung supaya perasaan bahawa penduduk Sarawak dipisahkan dari Semenanjung dapat dihapuskan.